



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	31/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	SEDA		



10

KELUARGA PRIHATIN

JUMAAT 31 DISEMBER 2021 • SINAR HARIAN

# Rebat RM500 mulai 7 Januari

Mangsa banjir boleh beli barangan elektrik dengan kemudahan rebat bawah program SAVE

PUTRAJAYA

**M**angsa banjir boleh membeli barangan elektrik dengan kemudahan rebat RM500 di bawah program 'Sustainability Achieved via Energy Efficiency' (SAVE) di premis terpilih atau secara dalam talian bermula 7 Januari, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Isi berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu mengenai pemberian bawar RM500 kepada mangsa banjir



Takiyuddin (kiri) melancarkan Malaysia Renewable Energy Roadmap (MyRER) di Wisma Sumber Asli pada Khamis. Turut sama, Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Lukmanisman Awang Sami.

bagi pembelian peralatan elektrik.

Bercakap pada sidang akhbar selepas majlis pengumuman Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) 2022-2035 di sini pada Khamis, beliau berkata, individu yang layak boleh membuat pembelian secara

fizikal di premis berdaftar di bawah SAVE dan platform e-dagang iaitu Lazada, Shopee dan PGMall.

"Mereka yang terkesan banjir tidak kira di negeri mana, jika layak, mereka diberi rebat segera bagi setiap pembelian. Contohnya barang bernilai RM1,000, mereka

perlu bayar RM500 sahaja," katanya.

Beliau berkata, ketika ini, terdapat 1,400 premis yang tersenarai di bawah SAVE kendalian Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia) dan jumlah itu akan ditambah

bagi memudahkan mangsa banjir membuat pembelian di premis berdekatan rumah mereka.

Menurutnya, data setakat ini menunjukkan terdapat kira-kira 80,000 isi rumah yang layak dan jumlah itu akan dikemas kini dari masa ke masa.

Beliau berkata, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) akan mengeluarkan dokumen pengesahan bagi memudahkan mangsa untuk membuat pembelian.

SEDA Malaysia akan mengumumkan perincian lanjut mengenai inisiatif rebat berkenaan pada 7 Januari ini, merangkumi mekanisme tebusan barangan dan jenis barangan.

SAVE merupakan program pemberian e-rebat kepada isi rumah yang membeli barangan elektrik. Sebelum ini, SAVE 2.0 yang diperkenalkan menawarkan e-rebat RM200 bagi pembelian alat penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga. - Bernama

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia